

CNS2843

R GB 17-08 00207 BC350

aab

Mahathir - Kemboja

Embargo Untuk Siaran pada jam 2200 hari ini

NEGARA ASIA TENGGARA PERLU GEMBLENG SUMBER UNTUK KESTABILAN SERANTAU

I

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Kebolehan dan sumber negara Asia Tenggara perlu digemblengkan untuk meningkatkan kestabilan, keselamatan dan kemakmuran serantau, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata, usaha itu harus menjurus ke arah meningkatkan kerjasama di kalangan negara Asia Tenggara.

"Kita sekarang berada di ambang sejarah baru Asia Tenggara. Oleh itu, kita perlu memandangi ke hadapan bagi mencorakkan masa depan bersama melalui peningkatan kerjasama di kalangan negara di rantau itu dan negara lain di luar rantau itu," kata beliau.

Ketika berucap pada majlis jamuan meraikan Perdana Menteri Pertama Kemboja Putera Norodom Ranarindh yang melawat Malaysia, Dr Mahathir berkata sejarah silam yang diselubungi perasaan curiga dan kesangsian tidak harus menghantui pemikiran dan tindakan negara-negara di rantau berkenaan.

Dr Mahathir juga menyambut baik hasrat Kemboja untuk menyertai Asean, dan menyifatkannya sebagai "langkah positif" kerana ini dapat mencapai objektif menjadikan Asean benar-benar sebuah persatuan menggabungkan 10 negara di Asia Tenggara.

"Malaysia menyambut baik dan menyokong hasrat Kemboja untuk menjadi anggota Asean," kata Perdana Menteri. -- Laqi

▼17/08/20-54MST

CNS2851

R GB 17-08 00150 BC352

aab

Ulangan membetulkan para lima

Mahathir - Kemboja 2 (akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Menqenai hubungan Malaysia-Kemboja, Perdana Menteri mengulangi iltizam Malaysia untuk membantu ke arah membangunkan semula Kemboja di samping meningkatkan hubungan dan kerjasama antara kedua-dua negara dalam pelbagai bidang.

"Malaysia bersedia bekerjasama dan menolong melalui apa cara sekalipun bagi membantu Kemboja melalui masa yang genting ini," kata beliau.

Beliau berkata, sektor swasta Malaysia juga berminat untuk membantu Kemboja dan sejak dua tahu lepas, kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara telah berkembang.

Dalam hubungan ini, Dr Mahathir berharap semoga Kemboja meneruskan usaha bagi memajukan dan mewujudkan dasar ekonomi yang liberal.

Ini penting bagi memastikan kesinambungan usaha bagi meningkatkan taraf hidup rakyat Kemboja sambil berkata undang-undang baru pelaburan Kemboja yang diluluskan merupakan langkah yang tepat ke arah usaha itu. -- Bernama

HK RM FAZ

▼17/08/21-15MST

CNS2868

R GB 17-08 00121 BB462

aah

Mahathir - Kemboja 3 (Akhir) Kuala Lumpur (sambungan berita)

Ranariddh dalam ucapan balasnya, mengalu-alukan kemasukan pelaburan Malaysia ke negara itu memandangkan semua aspek ekonomi Kemboja telah dibuka untuk pembangunan dengan keutamaan diberikan kepada pembangunan sumber manusia.

Katanya, sebuah Majlis Pembangunan telah dibentuk di negara itu untuk menyelaraskan dan menguruskan kemasukan pelaburan swasta dan semua bentuk bantuan antarabangsa ke Kemboja.

Majlis itu diwujudkan selepas Undang-undang Pelaburan, satu rangka kerja perundangan bagi pelaburan di negara itu, diterima oleh Mailis Kebangsaan, katanya.

Ranariddh juga menyambut baik wawasan Dr Mahathir menubuhkan gagasan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan berharap Kemboja dapat menghulurkan sumbangan ke arah pembentukan perundingan itu. -- Bernama.

HK OBA

▼17/08/23-05MST